

BERAMAL DALAM BULAN ZULHIJAH

Soalan:

Adakah keistimewaan atau fadilat melaksanakan amalan di bulan Zulhijjah? Apakah amalan-amalan lain yang disunahkan?

Jawapan:

Bulan Zulhijjah, khususnya 10 hari awalnya, merupakan peluang kedua selepas Ramadan bagi umat Islam mendapatkan ganjaran dan pahala amalan daripada Tuhan yang Esa. Allah swt berfirman dalam surah Al Fajr: 1 bermaksud: Demi waktu fajar dalam 10 hari.”

Menurut *Imam al-Hafiz Ibnu Hajar*, antara sebab 10 hari pertama Zulhijjah diberi keselamatan ialah kerana pada hari-hari tersebut, terkumpul kebanyakan ibadat yang induk seperti solat, puasa, sedekah, korban dan Haji. Ibadah-ibadah tersebut tidak dapat dihimpunkan kesemuanya dalam satu bulan melainkan bulan Zulhijjah.

AMALAN-AMALAN UTAMA

Terdapat beberapa soalan yang digalakkan sepanjang 10 awal Zulhijjah seperti berikut:

1. Zikir

Memperbanyakkan mengingati Allah swt. Allah berfirman dalam surah Al Hajj: 28 yang bermaksud :

“Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah pada hari-hari tertentu.”

Ibnu Abbas ra mentafsirkan erti ‘hari-hari tertentu’ itu adalah 10 hari Zulhijjah.

2. Berpuasa

Imam An-Nawawi menyatakan seorang Muslim digalakkan berpuasa dari 1 hingga 9 Zulhijjah bagi yang tidak menunaikan haji. Dan sesungguhnya hari Arafah (9 Zulhijjah) pula adalah hari yang terbaik untuk berpuasa. Nabi bersabda dalam riwayat Muslim:

“Berpuasa pada hari Arafah melebur dosa-dosa setahun dan sesudahnya.”

3. Amalan lain

Ini termasuk bersedekah, membaca Al-Quran, solat sunat dan lain-lain, Ia termasuk didalam umum hadis yang mendorong kita melakukan segala jenis kebaikan dan amalan salih pada 10 hari pertama Zulhijjah.

Menjauhi daripada melakukan maksiat: Ia merupakan masa yang terbaik bagi seseorang itu kembali bertaubat kepada Allah swt lebih-lebih lagi bagi sesiapa yang masih berfikir-fikir dan menanggungkan taubatnya.

4. Melaksanakan korban

Niat yang ikhlas dalam melaksanakan ibadah korban mencerminkan ketakwaan seseorang muslim.

Nabi saw bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud :

“Tiada amalan anak Adam yang lebih disukai oleh Allah swt pada Hari Raya Korban melainkan ibadah korban.”

(Riwayat At-Tirmidzi dan Abu Daud).

Semoga segala pengorbanan kita dikurniakan keikhlasan daripada Yang Esa, serta diterima-Nya.

Nota: Soalan dijawab oleh panelis ustaz daripada Pejabat Mufti, Muis.